

04/10/1997

## Prejudis media Barat terhadap negara Selatan

Ismail Hashim

JEREMY Seabrook dalam rencananya *The news from the South* yang disiarkan dalam majalah *Third World Resurgence* (Julai 97), pada Mei 1991, memetik Ketua Eksekutif Berita Perbadanan Penyiaran British (BBC) sebagai berkata rangkaian berita Amerika telah mengurangkan laporan berita antarabangsa sebanyak dua pertiga dalam jangka masa 20 tahun ini. Katanya, ini adalah akibat daripada kekurangan minat pembaca Barat mengenai berita-berita luar negara.

Seabrook menjelaskan: "Media Barat beranggapan maklumat tanpa pemahaman adalah tidak berguna dan akan wujud `jurang kefahaman' kecuali wartawan sendiri mengutarakan ketiadaan liputan yang mencukupi". Maksudnya, kini wujud trend berita yang berasaskan pasaran di Barat.

Seabrook berkata pengurangan drastik berita dari Selatan tentu membawa maksud hak penduduk Utara untuk tidak mahu membaca berita dari Selatan.

Apa yang diterangkan Seabrook itu menunjukkan sesuatu yang pelik kerana dalam dunia yang semakin global ini, wujud pula parokialisme yang semakin serius di kalangan masyarakat di Barat.

Sehingga kini pun, berita yang disiarkan agensi berita Utara masih bersifat stereotaip seperti keburukan, rasuah, malapetaka dan memperkenalkan Barat sebagai penyelamat, bersifat kemanusiaan dan pemberi bantuan.

Contohnya, layanan Barat terhadap rampasan kuasa di Sierra Leone setelah ramai rakyat Britain kembali ke negaranya, adalah suatu corak pemberitaan yang sudah ditetapkan: Mereka sedang lari daripada anarki sebuah lagi negara Afrika.

Rampasan kuasa ini menjatuhkan sebuah negara yang baru menjalani pemerintahan demokrasi, yang diwujudkan untuk kemanfaatan segelintir masyarakat Barat `yang telah menderita' di sebuah negara bekas koloni British.

Apa yang ingin disampaikan di sini ialah: Sejak British meninggalkan negara itu, semua masalah timbul dan kacau-bilau pun berlaku. Penduduk asal Sierra Leone tidak mampu mentadbir kerajaan, meskipun Barat memberikan bantuan sehingga membantu mereka mewujudkan demokrasi.

Keadaan yang sama juga dilihat dengan Hong Kong. Media sengaja menimbulkan kesangsian mengenai keupayaan dan kemampuan China mentadbir bekas koloni jajahan British itu.

Media membanjirkan berita yang berkisar di sekitar isu ini dan penentangan di kalangan golongan prodemokrasi yang tentunya mempunyai nilai pasaran di Barat. Berlainan pula dengan berita mengenai `penyangak antarabangsa' George Soros yang didakwa menyerang dan mengucar-kacirkan mata wang empat negara Asean.

Berita itu tidak mendapat tempat di media Barat. Akhbar seperti *Washington Post*, *Christian Science Monitor* malah media elektronik seperti CNN dan ABC tidak memberikan keutamaan kepada tindak-tanduk Yahudi dari Hungary ini. Tentulah berita seperti ini tidak mempunyai nilai komersil dalam pasaran pemberitaan Barat.

Dalam hal ini, apa yang dikatakan selective news untuk kepentingan golongan tertentu di Barat wujud di sini. Masyarakat biasa Barat terutamanya golongan jembel harus `dilindungi' (tidak mendapat berita sebenar) dan pada membaca berita seperti ini, yang tentunya akan mengusarkan mereka.

Bahkan kebanyakan berita mengenai negara Islam dan agama Islam

dikelirukan melalui cara ini. Yang mendapat tempat dalam ruangan antarabangsa ialah kehebatan dan keberanian Madeleine Albright mengemukakan Myanmar secara terbuka di sidang Selepas Mesyuarat Menteri Luar (PMC), yang tentunya menaikkan imej Amerika di kalangan rakyatnya.

Berita seperti ini tentu mempunyai nilai komersial dalam pasaran berita di sana tetapi selaran dan kecaman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya Deklarasi Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang dimeterai pada tahun 1948, dipinda tentulah nilainya tidak sehebat berita mengenai Albright itu.

Bahkan perkara yang sama dikatakan dalam isu mengenai Mobutu bekas Pemerintah Zaire, rakan karib Barat suatu masa dahulu semasa era Perang Dingin. Berita mengenainya seolah-olah berada dalam vakum. Jika diteliti, berita mengenainya berlalu seolah-olah tanpa sebarang latar belakang, padahal Barat menggunakan Mobutu untuk kepentingan strategi mereka menentang Kesatuan Soviet semasa Perang Dingin dahulu.

Keengganan Presiden Republik Demokratik Kongo, Laurent Kabila untuk menjalankan reformasi demokrasi telah menerima kecaman, seolah-olah pilihan raya ala Westminster hanyalah satu-satunya perkara yang penting yang harus dilaksanakan seberapa segera. Ini menunjukkan usaha Barat untuk membentuk seluruh dunia mengikut acuanya.

Keadaan yang sama berlaku kepada berita mengenai cadangan penubuhan Koridor Raya Multimedia oleh Dr Mahathir. Media Barat tidak ghairah dengannya kerana apa erti rancangan sebuah negara seperti Malaysia kepada masyarakat Amerika dan tentulah penyebarannya agak terbatas ke serata dunia.

Kita lihat sebuah majalah mengenai Internet yang mendukung kegiatan liberalisasi dalam ruang siber, Wired, hanya menyebut idea bernas Perdana Menteri dalam satu dua ayat sahaja.

Begitu juga dengan majalah Time yang menyiarkan berita mengenai Asia atau berkaitan dengan negara kita dalam edisi Asianya (Asia edition) bukan edisi dunia atau Amerika. Sebarang berita berkaitan Asia jika disiarkan dalam edisi Asia tentu akan mendatangkan pulangan besar (berdasar nilai pasarannya) berbanding dengan edisi antarabangsa iaitu Eropah atau Amerika.

Inilah asas kepada corak pemberitaan Barat masa kini. Jika sekelompok pembaca biasanya golongan korporat yang berpengaruh di Amerika tidak menyukai sesetengah berita dari Selatan, ia akan ditolak dan tidak disiarkan dalam akhbar di sana.

Tidak ada pasaran untuk berita penderitaan penduduk miskin di Selatan atau berita positif mengenai kemajuan yang dicapai negara membangun. Tetapi apabila terdapat kepentingan Barat di sana maka berita mengenai penderitaan pun akan disiarkan kerana terdapat pasaran terhadapnya.

Bayangkan bagaimana kuat pengaruh korporat di Amerika hinggakan Presiden Bill Clinton terpaksa menolak desakan dunia supaya Amerika mengurangkan pelepasan gas rumah hijau dan berita seperti itu tidak mendapat pasaran di sana.

Yang diutamakan ialah pasaran dan sejauh manakah sesebuah berita dari Selatan mempunyai nilai pasaran di Amerika dan negara Utara yang lain.

Kita sering memperkatakan mengenai penyiaran berita alternatif dengan kemunculan agensi media Selatan. Namun sehingga ini, tidak ada agensi berita dari Selatan yang menyamai pengaruh dan kehebatan agensi berita dari Utara, dengan liputan berita 24 jam.

Dengan ini pergantungan kita (walaupun bukan 100 peratus) masih kepada berita yang bersumber daripada agensi berita Utara tetapi lebih bersifat kritikal.

Namun jika inilah penilaian Barat terhadap berita dari Selatan, tentulah segala prinsip asas pemberitaan yang dipelajari daripada sekolah

kewartawanan di universiti tempatan perlu dinilai semula berasaskan agenda dan keperluan tempatan.

Atas dasar ini kemunculan agensi berita Selatan dan agensi berita yang mewakili negara Islam harus disegerakan dan tidak ada alasan bagi kita untuk melengah-lengahkannya.

(END)